

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 20.05.2025 MASA: 09.0PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

**SEMPENA  
MAJLIS PELANCARAN  
ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2025**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**21 MEI 2025 (RABU)  
10.00 PAGI**

**AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA, MBSP  
SEBERANG TENGAH**

## **Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

### **1. Yang Berusaha Puan Zalinah Yusof**

Head Of ESH (Environment, Safety and Health)

### **2. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

### **3. Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

### **4. Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin**

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap

Penyelaras

Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2025 Peringkat Seberang Perai

### **5. Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik Anugerah Sekolah Hijau**

### **6. Ketua-Ketua Jabatan Dan Pengawai-Pengawai Kanan Majlis Bandaraya Seberang Perai**

### **7. Rakan-Rakan Media**

### **8. Guru-Guru Dan Pelajar-Pelajar Sekalian**

### **9. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian**

---

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2025**, sebuah program signifikan yang mencerminkan komitmen kita terhadap pemeliharaan dan kelestarian alam sekitar.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Carlos Cano, Pengarah Urusan Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd., selaku penaja utama Anugerah Sekolah Hijau ini. Sokongan pihak tuan amat kami hargai dan menjadi pemangkin kepada kelangsungan program ini yang telah berlangsung dengan jayanya sejak tahun 2010.
3. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis ini; khususnya pihak sekolah yang terlibat, para guru dan pelajar serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang telah bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis pada hari ini.

4. Program Anugerah Sekolah Hijau ini bertujuan untuk mempergiat usaha memberikan kesedaran tentang kepentingan penjagaan alam sekitar dalam kalangan pelajar serta menggalakkan amalan hijau di peringkat akar umbi. Ia merupakan wahana penting untuk membina generasi muda yang berpengetahuan, beretika dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.
5. Seperti mana tahun-tahun terdahulu, semua sekolah rendah dan menengah dari seluruh kawasan Seberang Perai telah dijemput untuk menyertai pertandingan ini. Penyertaan secara menyeluruh ini bukan sahaja memperkuuh semangat kolaborasi antara Pihak Berkusa Tempatan dan institusi pendidikan, malah turut memperlihatkan komitmen berterusan dalam memupuk budaya lestari dan kesedaran alam sekitar dalam kalangan generasi muda.
6. Bagi tahun 2025, jumlah penyertaan yang disasarkan adalah sebanyak 85 buah sekolah, merangkumi 50 buah sekolah rendah dan 35 buah sekolah menengah. Sasaran ini mencerminkan peningkatan yang amat memberangsangkan berbanding tahun-tahun kebelakangan ini, sekali gus menunjukkan perkembangan positif dalam kesedaran dan penglibatan warga sekolah terhadap inisiatif kelestarian alam sekitar. Ia merupakan indikator komitmen yang semakin pulih dan bertambah kukuh dari tahun ke tahun.

7. Penilaian Anugerah Sekolah Hijau ini dibuat berdasarkan kriteria yang menyeluruh, meliputi aspek kecekapan sumber asli; inovasi dan kreativiti; kebersihan dan penghijauan; penglibatan komuniti serta keupayaan pembentangan. Ini selaras dengan pendekatan holistik yang ingin kita terapkan dalam membentuk budaya sekolah yang mesra alam dan lestari.
8. Saya difahamkan bahawa sesi penilaian fizikal ke sekolah-sekolah akan dijalankan dari 22 September hingga 9 Oktober 2025 dan sekolah yang tersenarai pendek akan dijemput untuk pembentangan akhir bagi menentukan kedudukan johan, naib johan dan tempat ketiga. Hadiah menarik berupa wang tunai dan sijil akan diberikan kepada para pemenang, selain sijil penyertaan kepada semua sekolah yang mengambil bahagian.
9. Sebanyak RM29,700 telah disumbangkan oleh pihak Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd., sebagai jumlah keseluruhan hadiah bagi tahun ini. Sumbangan ini merupakan satu pelaburan berimpak tinggi yang bukan sahaja memberi penghargaan kepada usaha warga sekolah, malah turut memperkuuh usaha berterusan dalam membentuk budaya hijau yang lestari dalam kalangan generasi muda.
10. Saya berharap agar melalui program ini, pihak sekolah akan terus bekerjasama erat dengan MBSP dalam merealisasikan model “Smart

*Consumption” yang mendukung aspirasi Sustainable Development Goals (SDG) 12 dan 13, iaitu Responsible Consumption and Production serta Climate Action.*

11. Sesungguhnya, pembangunan sesebuah bandaraya tidak hanya diukur pada infrastruktur dan ekonominya, tetapi juga pada kesedaran, keprihatinan dan tindakan kolektif masyarakat terhadap alam sekitar. Dengan itu, marilah kita bersama-sama menyokong visi untuk menjadikan Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar.
12. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Anugerah Sekolah Hijau 2025. Semoga usaha murni ini akan terus diberkati dan membawa hasil yang lestari demi masa depan generasi akan datang.
13. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2025**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***